

TARIKH	25 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Nasional

# Imbau sejarah jemaah haji



**KHABAR DARI MAKKAH**

**MAKKAH** - Bekas Duta Malaysia di Arab Saudi Datuk Syed Omar Al Sagoff ialah antara individu yang dianggap layak bercerita mengenai pengurusan haji Malaysia dan kemajuannya yang membanggakan.

Pengalamannya dengan jemaah haji di Tanah Suci bermula sejak usianya remaja pada tahun 1960-an.

Beliau berkata ketika itu pelbagai kesukaran ditempuhi TH dan jemaah yang terpaksa beradik dalam banyak hal termasuk urusan menunaikan ibadah haji.

"Saya datang ke Madinah pada tahun 1968 sebagai pelajar dan saya saksikan dengan mata saya sendiri bagaimana kepayahan jemaah dahulu menunaikan ibadah haji tanpa sistem muassasah," katanya.

Katanya jemaah haji pada zaman dahulu diuruskan oleh sheikh haji atau ejen-ejen haji dan beliau berpeluang membantu jemaah haji Malaysia kerana bekerja secara sambilan sebagai pembantu sheikh haji di Makkah.

Ketika itu beliau mendapat kerja sambilan semasa musim haji kerana kebolehan bertutur dalam bahasa Arab, kata Syed Omar yang juga bekas pensyarah Ikan Pengajian Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UTM).

Setelah berlayar hampir sebulan,



**Bekas Duta Malaysia di Arab Saudi, Syed Omar mengimbau kembali kesukaran menunaikan haji zaman dahulu.**

tika kapal laut berlabuh di pelabuhan Pulau Pinang, kaum keluarga menunggu dengan penuh debaran kerana jika orang yang ditunggu tidak muncul-muncul, ia bermakna jemaah itu telah meninggal dunia," katanya.

Syed Omar berkata jemaah haji dahulu juga tidak disediakan kemudahan pertukaran wang dan perubatan.

"Meraka terpaksa membawa draf bank dari tanah air untuk ditukar wang tunai di bank-bank di Arab Saudi dan jika meraka tidak sihat, jemaah tertibat akan dirawat di hospital milik kerajaan Arab Saudi," katanya.

Segala kesukaran itu kini tidak lagi perlu dilalui oleh jemaah haji apabila TH dan kerajaan Arab Saudi bekerjasama dengan memperkenalkan sistem muassasah pada tahun 1984.

Muassasah menggantikan sheikh haji dalam menguruskan perjalanan ibadah dan kebajikan jemaah haji di Tanah Suci dan kini TH yang berusia 50 tahun muncul sebagai organisasi yang dihormati di dunia kerana pengurusan haji yang sistematik dan teratur.

Syed Omar berkata malah kerajaan Arab Saudi memaklumkan kepada beliau bahawa negara-negara Islam di seluruh dunia harus mencontohi Malaysia dalam pengurusan haji ke-

peti sahara dan sebelum pulang ke tanah air, jemaah haji akan menghidiahkan barangan dapur itu kepada rakyat tempatan atau pelajar Malaysia di Tanah Suci kerana mahu mengosongkan peti dan menggantikannya dengan buah tangan untuk dibawa pulang ke tanah air.

Beliau berkata jemaah haji zaman dahulu terpaksa berada di tanah suci selama tiga bulan untuk menunggu giliran pulang dan dalam tempoh itu mereka tidak berpeluang menghubung kaum keluarga kerana tiada

wasan bukit di sekeliling kawasan Masjidil Haram," kata beliau.

Semua rumah tumpangan itu sudah tiada lagi kini kerana telah diroboh dan dibina bangunan hotel dan kompleks kecuali tapak hospital yang masih kekal di kawasan itu.

Syed Omar bercerita jemaah haji pada masa itu terpaksa membawa pelbagai kelengkapan masakan termasuk dapur, periuk belanga, buah kelapa dan bahan-bahan masakan kerana kerana mereka harus memasak sendiri.